

Pelajar FKAL perlu konsisten cemerlang

UB 26.5.2017 B13

LABUAN: Pelajar perlu meneruskan kecemerlangan secara konsisten dalam akademik.

Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Prof Madya Dr Hanudin Amin berkata kejayaan demi kejayaan yang dilakar pelajar seharusnya diteruskan pada setiap masa.

Katanya kejayaan yang diperolehi pada masa lalu boleh berulang jika pelajar berusaha lebih gigih dan bersungguh-sungguh.

"Bagaimanapun, pelajar perlu berhadapan pelbagai cabaran sebelum menuai kejayaan yang cemerlang dalam akademik," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Dekan Semester 1, Sesi 2016/2017 FKAL, yang diadakan di Dewan Theatrette, UMS Kampus Antarabangsa Labuan Labuan, kelmarin.

Pada majlis itu, seramai 153 pelajar yang

memperolehi Purata Nilai Gred Semester (PNGS) 3.5 ke atas menerima sijil penghargaan daripada Hanudin.

Hanudin turut menyampaikan hadiah istimewa kepada 15 pelajar yang cemerlang mengikut Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3.

Beliau juga mengingatkan pelajar supaya sentiasa menghormati pensyarah yang memberikan mereka ilmu sehingga berjaya bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga kokurikulum dan sahsiahan.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Dekan, Dr Lee Hock Ann (Akademik dan Antarabangsa), Dr Mohd Rizal Abd Hamid (Penyelelidikan dan Inovasi) dan Dr Mohd Fahmi Ghazali (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) serta pensyarah.

Majlis itu dimeriahkan dengan persembahan koir oleh pensyarah FKAL serta cabutan nama bertuah yang dimenangi pelajar fakulti itu.



HANUDIN (berdiri, lima kiri) bersama pelajar cemerlang FKAL Semester 1 Sesi 2016/2017.